

AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (2mg & 4mg)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah Kegunaan Axcel Chlorpheniramine Syrup.
2. Bagaimana Axcel Chlorpheniramine Syrup Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Chlorpheniramine Syrup.
4. Cara Menggunakan Axcel Chlorpheniramine Syrup.
5. Semasa Menggunakan Axcel Chlorpheniramine Syrup.
6. Kesan- Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Chlorpheniramine Syrup.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Axcel Chlorpheniramine Syrup digunakan untuk merawat alergi termasuk:

- Demam alergi
- Urtikaria (Ruam gatal yang timbul akibat tindak balas alahan).
- Angioedema (Alergi teruk, bercirikan kebengkakan dan gatal pada kulit dan membran mukus).
- Rinitis vasomotor (keradangan membran di dalam hidung)
- Alergi ekzema (ruam kulit gatal akibat alergen)
- Atopik dan dermatitis sentuhan (radang kulit)
- Reaksi ubatan dan serum
- Gigitan serangga
- Kegatalan

BAGAIMANA AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP BERFUNGSI

Histamina adalah sejenis bahan yang dihasilkan oleh badan yang terikat dengan reseptor H1 sebagai sebahagian daripada tindakan sistem pertahanan badan. Ikatan antara histamina dan reseptor H1 menghasilkan tindak balas alergi. Chlorpheniramine Maleate menghalang tindakan histamina

dengan menyekat histamina dari terikat dengan reseptor H1. Walaubagaimanapun, ia tidak menghalang penghasilan histamina. Penentangan ini bersaing dan berbalik.

SEBELUM MENGAMBIL AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada antihistamina.
- Jika anda menerima terapi MAOI 14 hari sebelumnya.
- Jika pesakit adalah bayi baru lahir atau pramatang.

Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Chlorpheniramine Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai glaukoma sudut sempit (sakit mata), asma bronkial (gangguan pernafasan), hipertiroidisma (kelenjar tiroid terlalu aktif), penyakit kardiovaskular, hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat), stenosis peptik ulser (parut dan bengkak akibat ulser yang menyebabkan duodenum menjadi sempit dan menghalang saluran gastrik), obstruksi pyloroduodenum dan obstruksi pundi kencing (aliran air kencing yang terputus-putus).
- Jika anda hamil, menyusukan bayi, bayi baru lahir dan pramatang.

Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- Ubat ototoksik (ubat yang boleh merosakkan telinga) seperti antibiotik *aminoglycoside*.
- Ubat depresan sistem saraf pusat (SSP) termasuk alkohol, barbiturat, hipnotik, narkotik analgesik, sedatif dan *tranquillisers*.
- Perencat *Monoamine Oxidase*.

CARA MENGGUNAKAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Dewasa:

4 mg, setiap 4 - 6 jam, sehingga maksimum 24 mg / 24 jam.

Kanak-kanak:

6 - 12 tahun; 2 mg, setiap 4 - 6 jam, sehingga maksimum 12 mg / 24 jam.

2 - 5 tahun: 1 mg, setiap 4 - 6 jam, sehingga maksimum 6 mg / 24 jam.

(Gunakan Axcel Chlorpheniramine-2 Syrup untuk kanak-kanak)

Bila perlu digunakan

Gunakan mengikut nasihat doktor dan ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.
- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Chlorpheniramine Syrup mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Simptom dos berlebihan berbeza bermula dari depresi sistem saraf pusat (SSP) termasuk kelalihan, kegagalan kardiovaskular (kegagalan jantung) dan

AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (2mg & 4mg)

stimulasi termasuk sukar tidur, halusinasi, berdebar-debar atau konvulsi. Simptom lain termasuk kepeningan, tinitus (bunyi desingan pada telinga), ataksia (pergerakan yang tidak selaras), kekaburan penglihatan dan tekanan darah rendah.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Chlorpheniramine Syrup berlebihan.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Chlorpheniramine Syrup mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Chlorpheniramine Syrup lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika berasa pening selepas mengambil Axcel Chlorpheniramine Syrup.
- Jika anda hamil, menyusukan bayi, bayi baru lahir dan pramatang.

KESAN- KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Chlorpheniramine Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan umum berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan sangat umum:

- Sedasi yang berbeza daripada rasa mengantuk ke tidur yang sangat nyenyak termasuk kesukaran untuk menumpukan perhatian.
- Kelesuan.
- Kepeningan.
- Tekanan darah rendah yang tidak normal.
- Kelemahan otot dan ketakselarasan.

Kesan sampingan umum:

- Gangguan gastrousus seperti rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, kolik dan sakit epigastrik.
- Sakit kepala.
- Kekaburan penglihatan.
- Tinitus (Bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berkerik)
- Keriangan atau kemurungan.
- Kebengkengan.
- Mimpi buruk.
- Hilang selera makan
- Kesukaran membuang air kencing.
- Kekeringan mulut.
- Keadaan ketat di bahagian dada
- Berasa seperti digigit dan dicucuk.
- Keadaan berat dan lemah tangan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers -> reporting).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Chlorpheniramine Syrup dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Axcel Chlorpheniramine Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

A) Axcel Chlorpheniramine-2 Syrup

Rupa dan warna produk

Axcel Chlorpheniramine-2 Syrup merupakan sirap berwarna jingga dan berperisa oren.

Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Chlorpheniramine Maleate

Bahan Tidak Aktif:

Purified Water, Sodium Benzoate, Sunset Yellow Dye, Methylparaben, Refined Sugar, Orange Flavor dan Propylene Glycol.

Nombor MAL

MAL19984390A

B) Axcel Chlorpheniramine-4 Syrup

Rupa dan warna produk

Axcel Chlorpheniramine-4 Syrup merupakan sirap berwarna kuning dan berperisa buah- buahan.

Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Chlorpheniramine Maleate

Bahan Tidak Aktif:

Purified Water, Sodium Benzoate, Quinoline Yellow, Methylparaben,

AXCEL CHLORPHENIRAMINE SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (2mg & 4mg)

*Refined Sugar, Orange Flavor,
Strawberry Flavor dan Propylene
Glycol.*

Nombor MAL

MAL19984391A

**PENGILANG DAN PEMEGANG
PENDAFTARAN PRODUK**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

02/10/2014

NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)021014/00027